

### **31. PEMEROSESAN PELAN-PELAN BANGUNAN YANG MELIBATKAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA BANGUNAN-BANGUNAN**

Jawatankuasa mengambil ingatan akan laporan ringkas Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Bangunan dan Perancangan dan bersetuju menerima perakuan-perakuan Jawatankuasa Penasihat Bangunan dan Perancangan seperti berikut :-

- (i) Bagi kes-kes di mana pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta Jalan, Parit & Bangunan, 1974, Undang-undang Kecil Bangunan yang berkenaan dan polisi-polisi Majlis, syarat-syarat perancangan bandar dan syarat-syarat dari semua jabatan yang berkenaan, pelan-pelan itu akan dibentangkan untuk dipertimbangkan dan diluluskan di satu mesyuarat dengan Dato Yang Dipertua tertakluk kepada semua syarat dipatuhi sebelum pelan-pelan dilepaskan.
- (ii) Bagi kes-kes di mana :-
  - (a) Pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan mematuhi syarat-syarat dalam Akta Jalan, Parit & Bangunan, 1974, Undang-undang Kecil Bangunan yang berkenaan dan polisi-polisi Majlis tetapi tidak mematuhi syarat perancangan bandar atau syarat-syarat lain yang dikenakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan; atau
  - (b) Pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan melanggar syarat-syarat dalam Akta Jalan, Parit & Bangunan, 1974 atau Undang-undang Kecil Bangunan yang berkenaan atau polisi-polisi Majlis;

Amalan yang ada sekarang, iaitu membenarkan satu tempoh selama 6 bulan untuk Arkitek berkenaan mengembalikan pelan-pelan bangunan itu hendaklah diteruskan. Satu lanjutan lagi selama 6 bulan selepas tempoh 6 bulan yang pertama itu akan juga dibenarkan. Selepas tempoh 12 bulan ini, pelan-pelan tersebut hendaklah dianggap sebagai telah ditarikbalik.

- (iii) Semua pelan-pelan akan dihantarbalik kepada Arkitek sebanyak dua kali sahaja untuk pindaan. Jika masih tidak mematuhi kehendak dengan sepenuhnya pelan-pelan tersebut akan dibentangkan untuk pertimbangan Jawatankuasa/mesyuarat yang berkenaan untuk keputusan.
- (iv) Sekiranya pindaan dan tambahan telah dijalankan dan bayaran denda dan lain adalah dikehendaki tetapi tidak dibayar oleh pemunya dalam tempoh 6 bulan, kelulusan pelan bangunan hendaklah dibatalkan kerana tidak mematuhi syarat. Tindakan terus (sum mary action) akan diambil untuk merobohkan pindaan dan tambahan haram ini tanpa mengira sama ada ianya dijalankan sebelum atau selepas 24.11.83. Dasar berhubung dengan pengampunan akan diubahsuai. Semua kes-kes ini hendaklah dibentangkan di Jawatankuasa Penasihat Bangunan dan Perancangan untuk pertimbangan sebelum tindakan diambil.

*(Diluluskan pada 12.9.85)*